

**TEKS UCAPAN KT. KOL. PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN, REKTOR
KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA (KUKUM)
SEMPENA PERASMIAN 'PEER GROUP LEARNING PROJECT' PADA 14
APRIL 2004 DI PUSAT KEJURUTERAAN KUKUM, KUALA PERLIS.**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM,

ASSALAMMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH
DAN SALAM SEJAHTERA.

YANG BERUSAHA ENCIK AZMI SALIM, PENGETUA SEKOLAH
MENENGAH SAINS TUANKU SYED PUTRA,

YANG BERUSAHA PUAN NORIDAH YANGMAN, PENERUSI
JAWATANKUASA MEKAP 4, SEKOLAH MENENGAH SAINS TUANKU SYED
PUTRA,

YANG DIHORMATI GURU-GURU SEKOLAH MENENGAH SAINS TUANKU
SYED PUTRA,

YANG DISANJUNGI WARGA KERJA DAN FASILITATOR KUKUM,

DAN YANG DISAYANGI PARA PELAJAR SEKALIAN.

SYUKUR ALHAMDULILLAH KE HADRAT ALLAH S.W.T KERANA DENGAN
IZIN-NYA DAPAT KITA BERSAMA-SAMA PADA PETANG INI. TERLEBIH
DAHULU SAYA INGIN MENGUCAPKAN SELAMAT DATANG KEPADA
PARA HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN KE PUSAT KEJURUTERAAN,
KUKUM DI KUALA PERLIS INI.

RIBUAN TERIMA KASIH JUGA KEPADA TUAN PENGETUA KERANA
TELAH SUDI MEMILIH SERTA MENJALINKAN HUBUNGAN KERJASAMA
DENGAN KUKUM DI DALAM PROGRAM SEKOLAH ANAK ANGKAT INI.

INSYAALAH... DENGAN INISIATIF YANG ADA KITA AKAN BERUSAHA DAN BERKERJA BERSAMA-SAMA DEMI MEMARTABATKAN INSTITUSI PENDIDIKAN DI NEGERI PERLIS INI, BAIK DI PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH BAGI PIHAK SEKOLAH MENENGAH SAINS TUANKU SYED PUTRA (SMSTSP) DAN KUKUM DI PERINGKAT INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM.

OBJEKTIF ATAU TUJUAN PROGRAM INI DIADAKAN PASTI AKAN MEMBERIKAN INPUT YANG POSITIF KEPADA PARA PELAJAR SEMUA. SAYA PERCAYA DENGAN BIMBINGAN FASILITATOR KUKUM YANG BERPENGALAMAN, PARA PELAJAR AKAN DAPAT MELIHAT GAMBARAN KEHIDUPAN SEBAGAI SEORANG PELAJAR DALAM KONTEKS YANG LEBIH JELAS. ANDA SEMUA AKAN DAPAT BERFIKIR DI LUAR KOTAK PEMIKIRAN YANG SELAMA INI HANYA DIBELENGGU OLEH BUDAYA POPULAR SEMASA SAHAJA. IBARAT KATA SARJANA INGGERIS ‘ TO THINK OUT OF THE BOX’.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG SAYA MULIAKAN,

APABILA KITA BERCAKAP SOAL ‘PEEL GROUP PRESSURE’ ATAU ‘TEKANAN RAKAN SEBAYA’ TIDAK DAPAT DINAFIKAN BETAPA ZAMAN REMAJA ADALAH PERIOD YANG PALING ABSTRAK. IA BERBEZA BAGI SETIAP INDIVIDU. ADA YANG MENCABAR, MANIS, PAHIT ATAU INDAH.

SETIAP LANGKAH YANG KITA SEMUA ATUR JIKA TERSILAP LANGKAH
PADA HARI INI PASTI AKAN MENYESAL DI KEMUDIAN HARI.

SEBELUM SAYA TERUSKAN UCAPAN INI MARILAH KITA

RENUNGGAN SEJENAK HADIS NABI YANG IDRIWAYATKAN OLEH ABU

MUSA R.A:

“DARI NABI S.A.W, BELIAU BERSABDA: SESUNGGUHNYA PERUMPAMAAN BERKAWAN DENGAN ORANG YANG SOLEH DAN BERKAWAN DENGAN ORANG YANG JAHAT ADALAH SEPERTI SEORANG PENJUAL MINYAK WANGI DAN SEORANG PENIUP DAPUR TUKANG BESI. PENJUAL MINYAK WANGI, DIA MUNGKIN AKAN MEMBERIKAN KAMU ATAU KAMU AKAN MEMBELI DARINYA ATAU KAMU AKAN MENDAPAT AROMA YANG HARUM DARINYA. TETAPI PENIUP DAPUR TUKANG BESI, MUNGKIN DIA AKAN MEMBAKAR PAKAIANMU ATAU KAMU AKAN MENCIUM BAU YANG TIDAK SEDAP”

SUDAH JELAS HADIS DI ATAS MENUNJUKKAN BETAPA HEBATNYA

PENGARUH RAKAN DALAM KEHIDUPAN SESEORANG INSAN. BAGI DIRI

SAYA SENDIRI YANG SEWAKTU KETIKA DAHULU JUGA PERNAH

BERGELAR REMAJA DAN KINI MEMPUNYAI ANAK REMAJA, SEDAR

BETAPA RAKAN-RAKAN DISEKELILING KITA TANPA DISEDARI BANYAK

MEMPENGARUHI TINGKAHLAKU, PEMIKIRAN DAN JUGA SEBARANG

TINDAKAN YANG KITA AMBIL. BAIK BURUK SESUATU KEPUTUSAN

KITA AMBIL SERTA KESANNYA KE ATAS DIRI KITA HARUSLAH

DIFIKIRKAN SEMASAK-MASAKNYA. ‘WHAT’S DONE IS DONE. NO

SINGLE SOUL CAN’T TURN BACK TIME’

ZAMAN REMAJA PADA TAHUN 60-AN ATAU 70-AN MUNGKIN BERBEZA DARI ZAMAN 90-AN ATAU 2000. PUN BEGITU, SUATU PERSOALAN YANG TIDAK PERNAH BERUBAH DAN MEMBOHONGI SEJARAH IALAH TENTANG TEKANAN ATAU PENGARUH RAKAN SEBAYA INI. BAGI ANDA SEMUA YANG BERSEKOLAH DI SEKOLAH BERASRAMA PENGARUH INI LEBIH KUAT LAGI. ANDA SEMUA BELAJAR, MAKAN, BERIADAH DAN BERKOMUNIKASI DI BAWAH SATU BUMBUNG YANG SAMA. MUNGKIN BAGI PELAJAR SEKOLAH MENENGAH HARIAN, WAKTU BERSAMA KELUARGA SENDIRI LEBIH BANYAK. JUSTERU ITU, KEBARANGKALIAN PENGARUH RAKAN SEBAYA AGAK KURANG TEKANANNYA.

SEBAGAI PELAJAR YANG TERPILIH DARI SELURUH PELUSUK TANAHAIR UNTUK BERSEKOLAH DI SEKOLAH BERASRAMA PENUH, ANDA SEMUA SEHARUSNYA BERASA BANGGA DAN BERSYUKUR. BUKAN MUDAH UNTUK MEMASUKI SEKOLAH BERASRAMA PENUH SEPERTI SEKOLAH MENENGAH SAINS TUANKU SYED PUTRA INI. MAKA GUNAKANLAH PELUANG INI SEBAIK-BAIKNYA.

SAYA INGIN BERIKAN SEDIKIT PANDUAN KEPADA ANDA SEMUA TENTANG CARA-CARA BAGAIMANA MAHU MEMILIH KAWAN. UMPAMA KATA PUJANGGA MELAYU, 'HATI-HATI MEMILIH KAWAN KALAU TIDAK TERSESAT JALAN'.

PERTAMA, CUBA TANYA DENGAN IKHLAS KEPADA DIRI SENDIRI, SIAPAKAH KAWAN-KAWAN DI SEKELILING KITA? ADAKAH MEREKA MENDATANGKAN KEBAIKAN ATAU KEBURUKAN DI DALAM KEHIDUPAN KITA.

KEDUA, APAKAH DEFINISI ANDA TENTANG SAHABAT SEJATI. ADAKAH MEREKA HANYA BERSAMA KITA DI KALA WAKTU GEMBIRA SAHAJA ATAU SANGGUP MENGHARUNGI ONAK DAN RANJAU DI KALA KITA DIRUNDUNG MALANG?

KETIGA, APAKAH KRITERIA UTAMA ANDA MEMILIH SEORANG KAWAN? ADAKAH KERANA DIA SEORANG YANG BERPENGARUH DI SEKOLAH ATAU KERANA PERIBADI DAN KAREKTORNYA YANG BAIK.

KEEMPAT, ADAKAH KAWAN ANDA ITU SEORANG YANG KUAT PEGANGAN AGAMANYA ATAU SEORANG INSAN YANG SENTIASA LALAI KEPADA SURUHAN AGAMA?

NAMUN HARUS DIINGAT JIKA KAWAN-KAWAN ANDA TIDAK MEMPUNYAI KRITERIA SEPERTI YANG SAYA SEBUTKAN TADI ATAU MUNGKIN JUGA MEREKA DIKATOGERIKAN SEBAGAI 'PELAJAR-PELAJAR NAKAL', ITU TIDAK BERMAKNA KITA HARUS MENGABAIKAN MEREKA. SEBALIKNYA KITA PERLU MEMBANTU SERTA MENASIHATI MEREKA AGAR MEREKA SEDAR DAN KEMBALI KE PANGKAL JALAN.

INGATKAN MEREKA OBJEKTIF HIDUP DAN PERANAN MEREKA SEBAGAI PELAJAR. HARAPAN YANG DIGALAS DI BAHU MASMING-MASING DAN PENGORBANAN IBU BAPA UNTUK MENYEKOLAHKAN MEREKA.

MENURUT WILLIAM THAYER, SEORANG PENULIS AMERIKA SYARIKAT YANG TERSOHOR DI DALAM BUKUNYA YANG BERTAJUK ‘GAINING FAVOR WITH GOD AND MAN’ BELIAU BERKATA :

“CAMPIONSHIP IS EDUCATION, GOOD FOR BAD... THERE IS NO HALFWAY WORK ABOUT ITS INFLUENCE. IF IT ENNOBLES, IT DOES IT GRANDLY, IF IT DEMORALIZES, IT DOES DEVILISHLY. IT SAVES OR DESTROY LUSTILY”

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

SEBELUM SAYA MENGUNDURKAN DIRI, SAYA SEKALI LAGI INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA ENCIK AZMI SALIM, PENGETUA SEKOLAH MENENGAH SAINS TUANKU SYED PUTRA, DI ATAS KESUDIAN MENJALINKAN HUBUNGAN KERJASAMA INI.

SAYA BERHARAP PARA PELAJAR SEMUA DAPAT MENGIKUTI PROGRAM ‘PEER GROUP LEARNING PROJECT’ INI SEBAIK MUNGKIN. DENGAR, MINTA DAN SOAL FASILITATOR SEKIRANYA ADA APA SAHAJA PERSOALAN YANG BERMAIN DI FIKIRAN ANDA. MEREKA SEDIA MEMBANTU DAN MEMBERI BIMBINGAN YANG TERBAIK DEMI

KEJAYAAN ANDA SEMUA.

KALAU ADA SUMUR DI LADANG
BOLEH KITA MENUMPANG MANDI
KALAU ADA UMUR YANG PANJANG
BOLEH KITA BERJUMPA LAGI.

SEKIAN TERIMA KASIH DAN SAYA SUDAH DENGAN UCAPAN

WASALAMMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH.